

Ekuinas bantu UNITAR lahirkan graduan berkualiti - Wan Saifuddin

SETELAH merantau beribu batu bagi mendalami ilmu dalam bidang senibina selepas tamat persekolahan di Sek. Men. Kebangsaan St. John, Kuala Lumpur, Wan Ahmad Saifuddin Wan Ahmad Radzi tidak menyangka rezekinya lebih ke arah bidang pendidikan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Unitar Capital Sdn. Bhd., (Unitar Capital) itu berkata, krisis kewangan yang melanda Asia pada tahun 1997/1998 menyebabkan beliau sukar untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusannya tetapi tidak menolak bahawa darah pendidik yang mengalir dalam dirinya membuatkan beliau selesa di dalam bidang berkenaan.

Unitar Capital adalah pemilik dan pengendali Unitar International University (UNITAR).

Bekas pelajar jurusan senibina University of Cambridge, United Kingdom ini pulang ke Malaysia pada awal 90-an untuk menjalani latihan amali sebelum terbang semula ke Eropah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dalam bidang senibina di Edinburgh University, Scotland.

"Ketika saya balik ke Malaysia, ekonomi negara sedang berkembang pantas dengan pelbagai pelaksanaan projek mega sebelum krisis kewangan melanda negara-negara Asia termasuklah Malaysia.

"Ketika itu, pekerjaan yang ada adalah mengajar, jadi saya telah mengajar di Limkokwing University of Creative Technology dan kemudiannya membuka perniagaan dotcom sendiri sebelum kembali ke dunia korporat dengan menyertai iPerintis, anak syarikat milik Petronas."

Wan Ahmad Saifuddin tidak malu mengaku bahawa UNITAR adalah tempat kerjanya yang kesepuluh yang terdiri daripada lima industri yang berbeza. Beliau pernah menyertai Khazanah Nasional selepas meninggalkan iPerintis dan seterusnya menjadi salah seorang ahli keluarga Ekuini Nasional Bhd. (Ekuinas).

"Saya gunakan semua pengalaman yang dikutip semasa mengajar dan menyertai bidang korporat untuk menguruskan UNITAR kerana saya mahu graduan-graduan yang lahir dari universiti ini memenuhi kriteria yang diperlukan industri.

Mengajar adalah satu kaedah untuk memberi ilmu tetapi apa yang lebih penting adalah apakah teknik pengajaran itu relevan dengan keadaan semasa? Saya tidak mahu kaedah pengajaran di UNITAR hanya syok sendiri," katanya.

Dua tahun lalu, Ekuinas mengembangkan sayapnya dalam sektor pendidikan dengan membeli 90 peratus kepentingan dalam Unitar Capital membabitkan pelaburan berjumlah RM58.5 juta.



Unitar Capital adalah pemilik dan pengendali UNITAR International University (UNITAR), sebuah universiti swasta yang pada awalnya adalah sebahagian daripada Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).

Pelaburan itu dibuat oleh Ekuinas bersama-sama firma ekuiti swasta Bumiputera, Shoraka Square Ltd. dan pelabur Bumiputera lain menerusi sebuah syarikat yang ditubuhkan khas (SPV), Nilam Suria Sdn. Bhd. untuk memiliki 100 peratus kepentingan dalam Unitar Capital membabitkan pelaburan RM65 juta termasuk suntikan modal kerja.

Selepas itu, Wan Ahmad Saifuddin dilantik untuk menganggotai Ahli Lembaga Pengarah UNITAR dan bersiap sedia untuk menyinsing lengan bagi memastikan universiti swasta itu mampu menghasilkan graduan yang berkualiti, diterima di pasaran kerja serta memiliki sifat keusahawanan (*entrepreneurship*) yang membolehkan mereka membuka perniagaan sendiri sekiranya berminat.

Tambahnya, UNITAR tidak bermi-

nat untuk menjadi universiti yang gah daripada segi infrastruktur tetapi gagal dalam menyediakan modul dan kemahiran yang relevan dengan keadaan semasa.

"Setakat mahu universiti terbesar atau tercantik, sesiapa pun boleh lakukan. Ini hanyalah dalam bentuk fizikal ataupun kosmetik sedangkan bagi melahirkan graduan berkualiti kami perlu

mementingkan sistem pembelajaran dan ia mestilah relevan. Hal ini sedang dilakukan melalui rangka kerja UNIEC, atau *Unitar Education Core*" katanya.

Dengan itu menurut Wan Ahmad Saifuddin, Unitar turut menjalin hubungan erat dengan pihak industri bagi menyediakan tempat latihan serta memanggil pakar-pakar industri untuk berkongsi maklumat terkini dengan pelajar.

Beliau berkata: "Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian, Ekuinas melihat UNITAR sebagai sebuah universiti yang berpotensi besar selari dengan objektif Ekuinas.

"Kami bekerja keras untuk mengembalikan kegemilangan UNITAR yang ditubuhkan sejak tahun 1997," kata Wan Ahmad Saifuddin sambil menambah, UNITAR yang beroperasi semula di Kelana Jaya, Selangor bakal menjadi satu mercu tanda bidang pendidikan di negara ini sambil turut berubah menjadi sebuah universiti antarabangsa.

6 Setakat mahu universiti terbesar atau tercantik, sesiapa pun boleh lakukan. Ini hanyalah dalam bentuk fizikal ataupun kosmetik sedangkan bagi melahirkan graduan berkualiti kami perlu mementingkan sistem pembelajaran dan ia mestilah relevan

WAN AHMAD SAIFUDDIN

WAN AHMAD RADZI

Ketua Pegawai Eksekutif, Unitar Capital Sdn. Bhd., (Unitar Capital)

